

LAWATAN UNTUK MENYATUPADUKAN SEMULA UMNO

KUALA LUMPUR 13 Sept.
— Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata lawatannya menemui ahli - ahli UMNO di seluruh negara bertujuan menyatupadukan parti dan melenyapkan perasaan berpuak - puak. Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata, beliau akan bercakap mengenai perkara itu kepada ahli - ahli UMNO di majlis - majlis tertutup semasa lawatan tersebut. "Dalam majlis - majlis tertutup saya boleh bercakap dengan bebas sikit. Kalau saya buat kenyataan terbuka, ada orang nak kritik, nak bagi pendapat yang berbeza," kata beliau. "Tengoklah pagi ini pun ada orang kata patut ada kempen, patut ada pertandingan, patut ada ini, patut ada itu," tambahnya merujuk kepada reaksi mengenai kenyataannya dalam akhbar - akhbar. Perdana Menteri berkata, kalau beliau bercakap secara terbuka, ada sahaja orang yang akan membuat

komen dan ini menjadikannya semacam suatu perbincangan pula. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika bercakap kepada para pemberita selepas upacara pelancaran papan tanda Kejiranan di Bandar Tun Razak tengahari ini. Dalam ucapannya di Labuan kelmarin beliau mengingatkan ahli - ahli UMNO bahawa masanya sudah tiba kini bagi mereka bersatu semula dan mengeneipkan team A atau team B. Ditanya apakah cadangan beliau untuk membawa semua pihak supaya bersatu semula dalam UMNO dan mengeneipkan team A atau team B, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Saya dok pi keliling Malaysia jumpa UMNO pasai tulah. Saya akan bercakap dengan ahli UMNO dalam perjumpaan - perjumpaan tertutup." Diminta mengulas sokongan yang diberi oleh pemimpin - pemimpin UMNO team B terhadap kenyataannya, Perdana Menteri berkata, "kalau mereka sokong tak apa tapi yang susahnyanya kalau mereka menentang." Ditanya pula apakah beliau akan mengambil balik pemimpin - pemimpin team B menganggotai kabinet dalam usahanyanya menyatupadukan ahli - ahli UMNO, katanya: "Tak usahlah tanya. Kalau you tanya habislah kena cerita semula." Beliau juga enggan menyatakannya secara khusus rancanganyanya menyatupadukan ahli UMNO dan mengulangi bahawa beliau akan bercakap apabila menemui mereka dalam perjumpaan - perjumpaan tertutup.